

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HLU 411 Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Para pelajar dinasihatkan agar jangan menggunakan bahan yang sama bagi lebih daripada satu jawapan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Berikan ulasan tentang teori mengenai drama dan teater yang dikemukakan oleh Aristotle dalam The Poetics dan juga Horace dalam The Art of Poetry. Bagi pendapat anda apakah kepentingan kedua-dua orang tokoh ini? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan contoh-contoh skrip drama yang sesuai.
2. "Marlowe, Shakespeare, Corneille dan Racine memperlihatkan semangat Renaissance. Walaupun begitu, para dramatis ini juga menunjukkan perbezaan-perbezaan yang ketara dari segi konsepsi serta stil." Pilih dua [2] daripada dramatis-dramatis tersebut (seorang dari Perancis dan seorang dari England) dan bincangkan ulasan ini dengan rujukan kepada skrip-skrip drama yang sesuai.
3. Pergerakan Romantik sentiasa digelarkan sebagai pergerakan "moden" yang terawal di dalam sastra Barat. Apakah pendapat anda mengenai ulasan ini? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada sumbangan tokoh-tokoh teori, konsepsi teater serta skrip-skrip drama pilihan anda.

.../2

**BAHAGIAN B**

4. Symbolism dan Expressionism merupakan aliran-aliran kesenian yang menentang Naturalism dengan hebatnya. Bagi pendapat anda apakah faktor-faktor yang mendorong para tokoh anti-realist ke arah suatu pendirian yang begitu beza dari sikap yang dipegang oleh tokoh-tokoh Realism? Anda diminta menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada tokoh-tokoh teori serta karya-karya dramatis yang sesuai.
5. Antonin Artaud dalam eseи-eseinya yang dikumpulan dalam buku The Theatre and Its Double telahpun mengemukakan satu konsep teater yang amat berani, menarik serta berpengaruh. Artaud telahpun memberikan nama "Theatre of Cruelty" kepada teater jenis yang dibayangkan olehnya. Bincangkan konsep keganasan (cruelty) mengikut Artaud dan terangkan ciri-ciri utama yang, bagi Artaud, seharusnya diadakan dalam "Theatre of Cruelty".
6. Tuliskan secara terperinci mengenai satu [1] daripada perkara-perkara berikut:
- [a] Kepentingan Richard Wagner dalam alam seni persembahan Barat.
  - [b] Sumbangan Konstantin Stanislavski kepada teater Barat.
  - [c] Ibsen atau Strindberg sebagai "wakil" teater dan drama moden. Kedua-dua dramatis ini pernah menerima ilham serta pengaruh daripada beberapa falsafah drama dan seterusnya penulisan mereka sendiri pernah melalui beberapa aliran teater yang berbeza.

Di mana perlu untuk membantu perbincangan anda, anda diminta membuat rujukan kepada skrip-skrip drama pilihan anda.